

# Islamisasi Pendidikan: Peranan Pendidik

Oleh: Haji Ahmad Mohamad Said

## ABSTRACT

*ISLAM has accorded teachers and educators with high esteem. The exemplary life of the Prophet Muhammad s.a.w. is devoted to teaching and preaching. Thus, teaching is a noble profession, and a person who teaches is indeed performing religious obligation. In the context of islamizing the discipline of education, the role of teachers is crucial. One of the challenges that teachers and educators have to face is none other than the phenomenon of ubiquitous hedonistic-materialistic life-style that has surfaced in our present society. As the present writer suggests a sure way to address this formidable task is through the islamization of education process. But this goes without its problems. Teachers and educators are to take the responsibilities. The major portion of this paper is devoted to explain the role of teachers and educators in bringing this islamization of education process comes into reality.*

## PENDAHULUAN

Nabi Muhammad S.A.W. diutus untuk mengajar dan mendidik manusia.

Hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah daripada 'Abdullah bin 'Amr, bermaksud:

*Pada satu hari Rasulullah S.A.W berjalan-jalan lalu melihat dua majlis: yang satu mereka berdoa kepada Allah dan inginkan sesuatu daripadaNya yang kedua mengajarkan manusia. Lalu Nabi Muhammad saw bersabda: 'Adapun bagi mereka yang berdoa kepada Allah itu, jika dikehendaki maka diberikannya dan jika tidak dikehendaki maka ditolaknyanya: sedangkan mereka di satu majlis lagi mengajarkan manusia, dan aku ini diutuskan untuk mengajar'. Kemudian berpaling ke majlis orang mengajar lalu duduk bersama mereka.*

Rasulullah S.A.W telah mencapai kejayaan cemerlang menukarkan manusia jahiliyyah kepada insan mulia satu tranformasi yang hebat dan menjadikan para sahabat sebagai *al-jeel al-Qur'an* bermaksud generasi al-Qur'an. Semoga hakikat ini dapat duhujam ke dalam benak kesedaran dan lubuk sanubari kita sehingga menyerlah serta melahirkan tekad yang kental untuk menampilkan diri kita di barisan hadapan sebagai pendidik yang beriltizam, berdedikasi dan berjuang dengan seluruh potensi yang dianugerahkan Allah S.W.T.

Tugas mengajar dan mendidik merupakan tugas yang amat penting dan mulia kerana ia merupakan kesinambungan tugas nabi Muhammad S.A.W. tugas pendidik ialah untuk menjayakan tujuan atau matlamat pendidikan. Menurut Ustaz Muhammad Uthman El-Muhammady:

*'.....tujuan pendidikan Islam ialah untuk membawa seseorang individu Muslim atau masyarakat Muslim untuk menyerapi dan mengrealisasi perkara-perkara yang sebenarnya atau kebenaran-kebenaran, baik dalam dalam ajaran atau amalan Islam, baik apa yang terkandung dalam 'aqidahnyanya, 'ibadatnyanya, sistem akhlaknyanya, dan juga ajaran syari'atnya.'*

Rumusan di dalam Seminar Pendidikan Islam di Makkah (1977) pula menjelaskan tujuan dan matlamat Pendidikan seperti berikut:

*'.....pembentukan insan yang baik dan soleh yang menyembah Allah menurut ertikata sebenar-benarnya,.....'*<sup>2</sup>

Justru pentingnya peranan pendidik dalam sistem pendidikan maka mereka dianggap sebagai 'tunggak' sistem tersebut. Jikalau tunggak ini

kukuh, sistem tersebut juga akan menjadi teguh. Justru para pendidik perlu memahami, menginsafi dan menghayati hakikat ini dan bertindak seiringan untuk menjayakan tujuan dan matlamat pendidikan Islam. Dalam 'The Traditional Islamic Education', Dr. Zaki Badawi mengingatkan kita:

*".....tugas mengajar bukan profesion untuk dijual, tetapi ia adalah merupakan peranan yang wajib dilaksanakan dengan cukup serta sempurna."*<sup>3</sup>

Ini bermakna pendidik mesti berusaha secara terus menerus untuk melengkapkan diri dari segi pengetahuan, kemahiran, sahsiah, akhlak dan sikap. Pencukupan serta penyempurnaan ini dapat menjamin mereka menjadi pendidik yang 'cemerlang' dan Muslim yang berkualiti.

Peranan pendidik menjadi semakin kritikal dewasa ini di tengah-tengah pensejagatan budaya dominan barat yang berteraskan kebendaan, keseronokan dan keduniaan melalui gelombang globalisasi yang semakin meluas dan mengancam. Kita mesti bertindak meneguhkan benteng pertahanan masyarakat, umat dan negara serta mengejapkan daya tahan dalam diri anak didik dan generasi muda. Sistem pendidikan merupakan wadah utama. Namun kita perlu menyedari bahawa sistem pendidikan kita masih belum kebal, dan kita juga perlu mengakui masih ada lagi unsur-unsur yang menghalang usaha kita untuk menjayakan hasrat sistem pendidikan Islam, dan juga hasrat Falsafah Pendidikan Negara sepenuhnya. Maka untuk menangani masalah ini, umat amnya dan pendidik Muslim khasnya disaran untuk melaksanakan Islamisasi pendidikan.

## **CABARAN-CABARAN SEBAGAI PENDIDIK**

Cabaran yang pertama yang dihadapi oleh seorang pendidik ialah mempersiapkan diri untuk mampu melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan dan sempurna. Latihan keguruan yang diperolehi merupakan asas permulaan yang baik, namun latihan tersebut masih belum mencukupi untuk menjamin ia akan menjadi seorang pendidik yang berwibawa serta berkesan. Lebih-lebih lagi dalam konteks sistem pendidikan Islam, memiliki tasawwur Islami yang jelas, dan sahsiah peribadi yang utuh serta terpuji. Perkara ini ditegaskan dalam tulisan 'The Teacher and The Taught':

*"...the teacher must not only be a man of learning but also a man of sterling moral worth".<sup>4</sup>*

Cabaran yang **kedua** ialah apabila seorang pendidik itu mahu menyampaikan ilmunya. Masalah ini merupakan masalah terbesar kerana krisis utama yang dihadapi di dalam sistem moden ialah krisis ilmu S.S. Ashraf menjelaskan:

*"From the doctrinal point of view it has been easier to resist Marxist ideas but it has become rather difficult to counteract the influences of Western 'liberalism' because all branches of knowledge have been affected by it and also Muslim scholars have not as yet formulated Islamic concepts and substitute for liberal concepts".<sup>5</sup>*

Ini bermakna seseorang pendidik harus memahami dan sentiasa peka tentang kemungkinan ilmu yang hendak disampaikan itu mungkin bercanggah dan tidak selaras sepenuhnya dengan ajaran Islam.

Cabaran yang **ketiga** ialah bersabit dengan metodologi atau perkaedahan, sama ada yang berkait dengan proses pengajaran pembelajaran atau perhubungan guru-murid, serta disiplin. Sebenarnya kita tidak boleh mengambil metodologi Barat sepenuhnya dan demikian jugalah menolak sepenuhnya. Kita perlu meneliti dan mengkajinya dengan tujuan supaya kita tidak terperangkap dan termasuk ke dalam 'lubang biawak'. Rasulullah S.A.W telah mengingatkan kita tentang perkara meniru dan mengambil daripada budaya luar atau budaya lain. Sesungguhnya psikologi Barat mempunyai kelemahan-kelemahan dan yang paling ketara sekali ialah 'kebebasan' yang semahu-mahunya yang diberikan kepada kanak-kanak sehingga segala-galanya menjadi kacau, bebas dan permisif. Pendekatan demikian mestilah diubah agar usaha-usaha untuk menyerapkan ilmu serta nilai-nilai Islam itu akan mendatangkan kesan dan hasil yang memaksimum. Altaf Gauhar dalam rencananya 'Education and the Mass Educational Media' menjelaskan:

*"In the reconstruction of the system of education in the Muslim world, it is the Muslim mind which should determine not only its methods of teaching and training, its courses of studies and procedures of evaluation."<sup>6</sup>*

Cabaran yang **keempat** berkaitan dengan buku teks dan sumber pembelajaran lain-lain. Sebenarnya kebanyakan buku teks dan sumber pembelajaran dihasilkan oleh penulis bukan Muslim, dan andainya dihasilkan oleh penulis Muslim sendiri, kemampuan mereka untuk menerapkan tasawwur dan nilai-nilai Islam di dalam buku-buku tersebut masih dibimbangkan. Justru, sama ada tersurat atau tersirat, bahan-bahan tersebut mungkin menjejaskan dan mengancam usaha menerapkan tasawwur dan nilai Islam dalam diri anak didik.

Cabaran yang **kelima** ialah mengenai kokurikulum. Aktiviti kokurikulum amat penting sebagai kesinambungan aktiviti pembelajaran di bilik darjah, peneguhan kepada kurikulum, dan usaha-usaha memupuk sahsiah serta sikap termasuk kepimpinan. Pelajar-pelajar meminati aktiviti-aktiviti tersebut. Walau bagaimanapun aspek ini tidak dilaksanakan secara sepadu, sering berjalan selari dan kadangkala bertentangan pula dengan apa yang dihasratkan dalam falsafah pendidikan dan kurikulum.

Cabaran yang **keenam** menyentuh alam atau suasana persekitaran. Sesungguhnya persekitaran memainkan peranan yang amat penting dalam proses pendidikan individu. Malahan dalam konteks semasa, pengaruh alam sekitar amat kuat hingga mengekang pendidikan di sekolah dan di rumahtangga. Dalam tradisi sistem pendidikan Islam, alam persekitaran sentiasa diberikan perhatian yang utama. Di dalamnya tergarap sekali disiplin, sifat taat, hormat guru, pematuhan terhadap titah perintah Allah S.W.T. dan sebagainya. Suasana yang boleh menggalakkan penyemaian serta penerapan nilai-nilai yang baik itu mestilah bersifat bersih murni atau kudus. Sesungguhnya cabaran untuk menjernihkan serta memurnikan suasana yang ada sekarang sangatlah berat dan memerlukan kegigihan, iltizam serta kesabaran.

## **PERANAN PENDIDIK**

Langkah pertama dan utama ialah pendidik mesti berusaha melengkapkan diri dengan ajaran Islam agar mereka mampu memiliki kefahaman dan tasawwur Islam yang betul dan tepat. Tindakan ini penting kerana amat sukar bagi seseorang untuk memahami dan menghayati matlamat pendidikan Islam dan beriltizam untuk melaksanakannya tanpa kefahaman

yang mantap dan mendalam. Hakikat ini disokong oleh pengalaman individu dan kumpulan semasa yang memperjuangkan pelaksanaan sistem pendidikan Islam.

Usaha untuk mempersiapkan diri dengan pengetahuan dan tasawur Islami adalah kritikal kerana proses islamisasi yang hendak dilaksanakan dan keberkesanannya ditentukan oleh kefahaman dan keyakinan terhadap ajaran-ajaran Islam. Ini bermakna para pendidik perlu meningkatkan pengetahuan dan kefahaman tentang Islam sebagai suatu sistem hidup yang lengkap dan menyeluruh, dan secara khusus pula mengenai sistem pendidikan Islam dan peranannya sebagai pendidik Muslim.

Langkah kedua ialah pendidik mesti memahami kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam sistem pendidikan moden liberal-sekular, terutamanya dalam bidang ilmu pengetahuan. Mereka perlu keluar dari 'perangkap minda' yang selesa, berpada dan membebaskan diri dari penjajahan fikiran serta bersikap kritikal dan analitikal. Justru mereka perlu mengenalpasti dengan jelas fakta-fakta, konsep-konsep, teori-teori, dan seumpamanya di dalam ilmu-ilmu mereka yang tidak selaras dan bercanggah dengan ajaran Islam.

Langkah ketiga ialah pendidik mesti dapat memahami falsafah ilmu atau epistemologi Islam. Hal ini penting agar mereka dapat memiliki konsep ilmu yang betul dan tepat dan dapat menempatkan kesemua disiplin ilmu yang terdapat dalam kurikulum dalam kerangka ilmu yang bersepadu. Malahan kefahaman mengenai epistemologi Islam menjadi landasan utama untuk membantu dan mengupayakan pendidik melaksanakan Islamisasi pendidikan.

Langkah keempat merujuk kepada kaedah islamisasi. Saranan Almarhum Profesor Ismail Faruqi adalah praktikal dan boleh dilaksanakan. Beliau mencadangkan seperti berikut:

**Koreksi**, iaitu tindakan membetulkan fakta, konsep atau teori yang terdapat dalam ilmu pengetahuan moden.

**Orientasi**, iaitu tindakan menyerap atau memasukkan 'visi' Islam ke dalam ilmu pengetahuan tersebut.

**Rekonsiliasi**, iaitu tindakan untuk menyelaraskan ilmu-ilmu tersebut dengan ilmu agama dan

**Intergrasi**, iaitu tindakan untuk menyepadukan agar kedua-dua jenis ilmu berpadu menjadi satu kesatuan dengan berpaksikan tawhid.

Langkah yang selari dengan usaha islamisasi ilmu-ilmu moden ialah tindakan membetulkan 'status' mata pelajaran Pendidikan Islam itu sendiri agar ia dapat menjadi teras dan tunjang dalam kurikulum, diajukan sebagai ad-Din dan secara berintegrasi dengan ilmu-ilmu lain.

Usaha untuk menjadikan mata pelajaran Pendidikan Islam sebagai 'teras' kurikulum membawa beberapa implikasi. Pertama, sukatan pelajaran ini mestilah 'baik' iaitu ia mampu dari segi kognitif untuk menampilkan Islam sebagai ad-Din. Kedua, dari segi afektif, pendidik pula mesti berwibawa untuk memupuk kesedaran dan keinsafan serta menggerakkan anak didik untuk mengamalkan dan menghayati agama. Ketiga, pendidik mesti meningkat serta meluaskan ilmu pengetahuan (termasuk Ilmu Sains dan lain-lain) supaya usaha untuk mengaitkan mata pelajaran Pendidikan Islam dengan ilmu-ilmu pengetahuan lain dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan. Keempat, dilihat kepada unsur kecekapan dalam profesionalisme pendidik, maka pendidik mesti meningkatkan kecekapan agar mata pelajaran Pendidikan Islam dapat disampaikan kepada anak didik dengan cara yang menarik, aktif dan memberangsangkan.

Langkah kelima ialah mengenai kokurikulum. Langkah-langkah yang hampir sama (seperti di atas) perlu dilakukan. Pertama, aktiviti-aktiviti yang bercanggah dengan syari'at perlu dibetulkan dengan cara memperbaiki, mengolah semula atau menghapuskannya. Kedua, aktiviti-aktiviti ini pula diselaraskan dengan aktiviti-aktiviti yang dibenarkan oleh Islam. Akhirnya, aktiviti-aktiviti tersebut disepadu agar ia menjadi sebahagian daripada pola-pola perlakuan Islam.

Langkah keenam merujuk kepada pendekatan, cara, teknik dan seumpamanya. Terdahulu Altaf Gauhar menegaskan perlunya minda Muslim menentukan cara atau kaedah kita mengajar. Justru kita perlu

melihat ke dalam khazanah ilmu tradisi, dan di samping itu memikirkan pendekatan atau cara baru yang selaras dengan ajaran-ajaran Islam. satu perkara yang perlu diperhatikan ialah dalam Islam kawalan amat penting dan dalam setengah-setengah perkara kita dikehendaki bertegas. Di dalam masalah sembahyang misalnya, rasulullah S.A.W. mengajar Muslim memarahi anak yang berumur tujuh tahun jika enggan bersembahyang dan memukulinya pada umur sepuluh tahun jika ia masih enggan bersembahyang. Iktibar dan pengajaran ini mestilah jangan dihilangkan daripada tradisi pendidikan bagi Muslim.

Langkah ketujuh berkaitan dengan buku teks dan sumber pembelajaran lain. Buku teks dan sumber pembelajaran lain-lain adalah penting. Kepentingan ini perlu dilihat bukan sahaja dari segi keperluan menulis semula buku teks dalam pelbagai dan semua bidang, malahan ke dalam penggunaan buku-buku teks yang sedia ada. Usaha mengoreksi secara spontan mestilah dilakukan oleh para pendidik untuk mengelakkan anak-anak didik tersebut terus menerus menganggap sesuatu fakta, konsep dan teori yang tidak benar atau bercanggah, dianggap sebagai benar.

Langkah kelapan menyentuh persekitaran sekolah. Pendidik dikehendaki merintis jalan dan berusaha untuk mewujudkan suasana serta budaya yang membolehkan berlakunya penerapan nilai-nilai Islam serta 'aqidah' dengan berkesan. Anak didik mesti mendapat kemudahan untuk menjayakan cara hidup Islam sekurang-kurangnya dalam batas pagar sekolah. Di samping itu mereka mesti berusaha untuk mengurangkan (jika boleh menghapuskan) aktiviti-aktiviti yang tidak sihat dan sebaliknya memperbanyakkan aktiviti-aktiviti positif. Dalam konteks sekolah juga, pendidik bertanggungjawab ke atas kebajikan anak didiknya dari pelajaran, kebajikan hingga membawa kepada agama. Mereka sangat kluatir dan bimbang anak didik akan menyeleweng dan tergelincir daripada landasan yang benar. Justru mereka mesti berusaha untuk mengelakkan anak didik daripada menyeleweng. Untuk menjadi seorang pendidik yang berjaya, dihormati dan disegani, mereka mesti memulakan amal makruf pada diri sendiri, tidak angkuh dan sombong, bersikap adil, bersimpati dan tidak jemu serta bosan untuk mendorong anak didik melakukan kebaikan serta meninggalkan kejahatan.

Kejayaan menampilkan diri sebagai 'role model' dan '*uswah hasanah*' dapat memantapkan keyakinan di dalam diri anak didik terhadap ajaran-ajarannya dan dorongan untuk mengamalkan ajaran-ajaran tersebut.

## **PENUTUP**

Sesungguhnya tidak mudah untuk melaksanakan islamisasi pendidikan, tetapi ia tidak bermakna perkara ini boleh tidak dilaksanakan. Hasrat yang telah sekian lama berputik perlu dikembangkan secara terus-terusan sehingga serinya menyerlah memancarkan sinar kejayaan. Insya Allah.

**NOTA**

- <sup>1</sup> Memahami Islam hal. 76-77
- <sup>2</sup> Syed Sajjad Husain and Dr. Syed Ali Ashraf, *Crisis In Muslim Education*, 1979, hal. 42
- <sup>3</sup> ibid hal. 35
- <sup>4</sup> ibid hal 107
- <sup>5</sup> ibid hal ix
- <sup>6</sup> ibid hal 25